

TEKS UCAPAN

**YBHG PROF DATO NAIB CANSOLOR UNIVERSITI
MALAYSIA SARAWAK (UNIMAS)**

**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PROGRAM JOM BACA
BERSAMA 10 MINIT DAN BEDAH BUKU PERINGKAT
UNIMAS , SEMPENA HARI BUKU DAN HAKCIPTA SEDUNIA,
DI AUDITORIUM, PUSAT KHIDMAT MAKLUMAT
AKADEMIK, UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

BISMILLAHIRAHMANNIRRAHIM

ASSALAMMUALAIKUM W.B.T., SALAM SEJAHTERA

YANG BERUSAHA,

PUAN MARGARET SIMENG, KETUA PUSTAKAWAN UNIMAS

**PUAN ZAINUN MAT NOR DAN TN HAJI VALENTINO ABU
BAKAR SELAKU PENGERUSI BERSAMA JAWATANKUASA
PELAKSANA**

TIMBALAN-TIMBALAN NAIB CANSOLOR

DEKAN-DEKAN,

PENGARAH-PENGARAH

KETUA-KETUA BAHAGIAN UNIMAS

KETUA-KETUA JABATAN KERAJAAN/PERPUSTAKAAN/

PENGETUA-PENGETUA SEKOLAH NEGERI SARAWAK

PEGAWAI-PEGAWAI UNIMAS

SISWA SISWI UNIMAS

SERTA SEMUA JEMPUTAN YANG DIHORMATI SEKALIAN.

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

1. TERLEBIH DAHULU TERIMA KASIH KEPADA PIHAK PENGANJUR KERANA SUDI MENJEMPUT SAYA PADA PAGI INI DI PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT DAN BEDAH BUKU PERINGKAT UNIMAS SEMPENA HARI BUKU DAN HAKCIPTA SEDUNIA. APAPUN IANYA BERTERASKAN SATU TUJUAN DAN SATU MATLAMAT IAITU MEREALISASIKAN MISI DAN VISI UNIMAS KE ARAH MEMANTAPKAN USAHA-USAHA UNTUK MELAHIRKAN GENERASI DAN BANGSA MALAYSIA YANG BERPENGETAHUAN TINGGI DAN MAJU DALAM SEMUA PERSPEKTIF PEMIKIRAN. INI JUGA AKAN SECARA TIDAK LANGSUNG, KE ARAH MELAHIRKAN MODAL INSAN YANG BERKUALITI SEIRING DENGAN ASPIRASI MENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH NEGARA MAJU MENJELANG 2020.

HADIRIN SEKALIAN

2. SETIAP TAHUN LEBIH 100 NEGARA MERAIKAN HARI BUKU DAN HAKCIPTA SEDUNIA SEMENJAK DIPERKENALKAN OLEH PERTUBUHAN PENDIDIKAN SAINS DAN KEBUDAYAAN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (UNESCO) SETIAP 23 APRIL, SEMENJAK TAHUN 1996 LAGI. APAKAH RASIONALNYA SAMBUTAN INI. ANTARANYA IALAH MENYEMARAKKAN SEMANGAT MEMBACA DALAM KALANGAN KITA,

MENGGERAKKAN MINAT MENGHASILKAN BAHAN PENULISAN MISALNYA BUKU. SELAIN ITU DALAM KALANGAN AKADEMIK KHUSUSNYA DI UNIMAS, KITA MENGHARAPKAN PENULISAN ILMIAH DAPAT DITINGKATKAN BAGI MENCAPAI SASARAN UNIMAS UNTUK MENGHASILKAN PENERBITAN YANG BERKUALITI DAN MEMBERI IMPAK KEPADA NEGARA DAN DUNIA. PERANAN DALAM KALANGAN SISWA SISWI JUGA TIDAK KURANG HEBATNYA SEBAGAI PEMANGKIN KEPADA GENERASI BERILMU, BAHAN BACAAN BUKAN HANYA TERTUMPU KEPADA SATU BIDANG SAHAJA, BUKU TEKS, NOTA KULIAH TETAPI MENYELURUH SERTA MENCAKUPI SETIAP ASPEK KEHIDUPAN. BACAAN YANG BOLEH MEMBANGKITKAN KEROHANIAN DAN MOTIVASI AKAN MELAHIRKAN INSAN YANG BERWAWASAN SERTA BERILMU SEBAGAI CONTOH SEORANG PELAJAR PERUBATAN BUKAN HANYA TAHU ILMU PERUBATAN SAHAJA TETAPI PERLU MEMAHAMI ILMU KEMANUSIAAN YANG LAIN MISALNYA KOMUNIKASI, KAUNSELING, PENGURUSAN DAN LAIN-LAIN.

3. SINONIMNYA DUA PERKARA YANG MENDASAR IAITU MEMBACA DAN ILMU. TANPA DUA PERKARA INI KITA TIDAK AKAN BERJAYA CONTOHNYA KEPADA PENJAWAT AWAM. BAGAIMANA UNTUK MENJALANKAN TUGAS DAN AMANAH IAITU MEMASTIKAN DAN MENERUSKAN PROGRAM TRANSFORMASI NEGARA

TERMASUK GTP DAN ETP, MENGIMPLEMENTASIKAN NATIONAL BLUE OCEAN, KPI, PELAN STRATEGIK SERTA SISTEM PENYAMPAIAN YANG BERKESAN TANPA ADA ILMU DAN MEMBACA SEMUA ARAHAN DAN PANDUAN YANG DIKELUARKAN OLEH KERAJAAN. UNTUK MEMBUAT SESUATU TINDAKAN JUGA MEMERLUKAN ILMU. SALAH SATU CARA MENDAPATKAN ILMU IALAH MELALUI PEMBACAAN.

4. USAHA UNTUK MELETAKKAN MALAYSIA SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG MAJU DAN DISANJUNGI BUKANLAH SUATU PERKARA YANG MUDAH. BEGITU JUGA KITA DI UNIMAS UNTUK MEMBARISKAN KITA DENGAN UNIVERSITI TERBAIK DI NEGARA, ASIA MALAH DI DUNIA JUGA BUKAN SESUATU YANG MUDAH DAN TIDAK JUGA MUSTAHIL KERANA PERSEKITARAN ILMIAH YANG ADA. KITA SEBAGAI GEDUNG ILMU, PAKAR DALAM PELBAGAI BIDANG PENYELIDIKAN DAN ILMU BARU, DENGAN INOVASI SERTA KREATIVITI BAKAL MELONJAKKAN KITA DI PERSADA ANTARABANGSA. KEJAYAAN YANG DIKECAPI HARI INI HARUS DITERUSKAN DAN STRATEGI PERLU SENTIASA DISUSUN AGAR PEMBANGUNAN NEGERI KHUSUSNYA SARAWAK DAN NEGARA BERGERAK SEPERTI DIHARAPKAN.
5. SALAH SATU STRATEGI YANG DIPERGIATKAN IALAH MELAHIRKAN WARGA PEKERJA YANG

BERPENGETAHUAN IAITU **KNOWLEDGE WORKERS**. KITA SEDAR SEBAGAI SEBUAH ORGANISASI, ADALAH PENTING UNTUK MEMILIKI KAKITANGAN YANG MEMPUNYAI PENGETAHUAN YANG TINGGI SELAIN KEMAHIRAN FIZIKAL. ILMU PENGETAHUAN ITU IBARAT PERISIAN / SOFTWARE DAN TUBUH KITA INI SEBAGAI PERALATAN / HARDWARE YANG MENGGERAKKAN KITA UNTUK MEMBUAT PERTIMBANGAN ATAU APA JUGA KEPUTUSAN DALAM TUGAS SEHARIAN. JUSTERU ITU SEKALI LAGI KITA PERLULAH MELENGKAPKAN DIRI DENGAN PELBAGAI ILMU DAN MAKLUMAT AGAR KERJA YANG DILAKSANAKAN AKAN MENJADI LEBIH MUDAH DAN BERKESAN. TANPA ILMU KITA TIDAK AKAN KE MANA- MANA.

6. BEGITU JUGA SEBAGAI PELAJAR, MEMBACA JUGA BERKAIT DENGAN KEMAHIRAN/SKILL. MISALNYA KEPANTASAN MEMBACA PERLU DIPELAJARI BUKAN DIPEROLEH BEGITU SAHAJA. DISAMPING ITU JUGA SKILL MENAAKUL, MENAPIS SETIAP MAKLUMAT YANG DIPEROLEH TERUTAMANYA DARIPADA SUMBER MAYA TANPA SEMPADAN JUGA MEMERLUKAN KEMAHIRAN. SEBAB ITU PERLUNYA KEMAHIRAN LITERASI MAKLUMAT UNTUK MERUJUK SUMBER MAKLUMAT YANG RELEVAN DENGAN TEPAT DAN PANTAS. TAHU UNTUK MERUJUK DAN MENCARI RATUSAN RIBU BUKU DI RAK, TAHU DAN BIJAK MENGAKSES JUTAAN KOLEKSI SUMBER ELEKTRONIK. SEHUBUNGAN ITU

KITA BOLEH MELIHAT BEGITU PENTINGNYA ILMU DAN KEMAHIRAN DIKOMBINASIKAN ATAU DIGABUNG JALINKAN UNTUK BERGELAR SEORANG SISWA SISWI YANG CEMERLANG GEMILANG DAN TERBILANG INTELEK DAN SAHSIAHNYA.

HADIRIN SEKALIAN ,

7. NO MATTER HOW BUSY YOU MAY THINK YOU ARE, YOU MUST FIND TIME FOR READING OR SURRENDER TO SELF-CHOSEN IGNORANCE (CONFUCIUS). BEGITU JUGA DALAM PERSPEKTIF ISLAM WAHYU PERTAMA YANG DITURUNKAN ALLAH SWT KEPADA NABI MUHAMMAD SAW MELALUI JIBRIL IALAH IQRA'...BACALAH. JADIKANLAH MEMBACA AGENDA UTAMA BERBANDING AKTIVITI LAIN TERUTAMANYA MENONTON TV DAN SEBAGAINYA. MEMBACA JUGA SEBENARNYA MENURUT PAKAR KESIHATAN AKAN MELAMBATKAN PROSES PENUAAN IAITU ALZHEIMER ATAU NYANYUK. INI TERBUKTI DENGAN MEMBACA NOVEL FIKSYEN SEBELUM TIDUR MEMBOLEHKAN OTAK TERUS BEKERJA DAN MENAAKUL BAGI MELAMBATKAN PENUAAN. BILA OTAK KURANG BEKERJA ATAU BERFIKIR ITU AKAN MEMPERCEPATKAN PROSES PENUAAN. DALAM SATU RIWAYAT SAIDINA ALI PERNAH BERKATA BAHAWA ORANG YANG SENTIASA MEMBACA ALQURAN TIDAK AKAN DITIMPA NYANYUK.

8. AMALAN DAN BUDAYA MEMBACA MERUPAKAN SEBAHAGIAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT. DALAM SETIAP PEMBACAAN, SAYA YAKIN PASTI ADA ILMU BAHARU YANG DIPELAJARI SAMA ADA ILMU SECARA TEORI ATAUPUN MAKLUMAT YANG DIAMBIL DARIPADA PENGALAMAN YANG DICERITAKAN SECARA TEKNIKALNYA MELALUI ORAL HISTORY ATAU JUGA MELALUI TACIT DAN EXPLICIT KNOWLEDGE. KATA ORANG TUA, JIKA TIDAK DIPECAH RUYONG MANAKAN DAPAT SAGUNYA.

MENYENTUH ISU TENTANG APA YANG DIMAKSUDKAN DENGAN HAK CIPTA, DIBAWAH AKTA HAK CIPTA 1987 PINDAAN 1997, MEMBERI PERLINDUNGAN KOMPREHENSIF UNTUK KARYA –KARYA YANG DIHAKCIPTA INI TERMASUK PERISIAN KOMPUTER , RUANG LINGKUP PERLINDUNGAN DAN CARA BAGAIMANA PERLINDUNGAN DIBERIKAN. PERLINDUNGAN HAKCIPTA INI JUGA TERMASUKLAH KARYA-KARYA SASTERA, MUZIK ATAU SENI. PERLINDUNGAN ADALAH SEMASA HAYAT PENCIPTA DAN 50 TAHUN SELEPAS KEMATIANNYA . BAGI KARYA –KARYA RAKAMAN BUNYI , SIARAN DAN FILEM PERLINDUNGAN HAKCIPTA ADALAH UNTUK 50 TAHUN SELEPAS KARYA-KARYA BERKENAAN DITERBITKAN. KESEDARAN HAKCIPTA DAN

KETULENAN KHUSUSNYA KARYA SESEBUAH PENULISAN AMATLAH PERLU DIBERI PENEKANAN DI DALAM KALANGAN MASYARAKAT AGAR TIDAK SESUKA HATI MEMPLAGIAT HASIL KARYA ORANG LAGI KHUSUSNYA DI DALAM PERSEKITARAN UNIVERSITI. KITA PERLU MEMBUDAYAKAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT DENGAN MENYEMARAKKAN SEMANGAT MEMBACA. KINI TIADA LAGI KEMPEN BULAN MEMBACA OLEH PIHAK KERAJAAN KERANA MEMBACA MERUPAKAN AMALAN RUTIN. STATISTIK BUKAN MERUPAKAN GAMBARAN KEPADA TAHAP PENGETAHUAN KITA. KINI STATISTIK NISBAH BUKU DAN RAKYAT TIDAK LAGI RELEVAN DENGAN HANYA MERUJUK KEPADA BUKU SAHAJA KERANA PELBAGAI BAHAN BACAAN BOLEH DIDAPATI SECARA ATAS TALIAN. CAPAIAN KE INTERNET DALAM PENCARIAN MAKLUMAT JUGA SECARA TIDAK LANGSUNG MENGGALAKKAN RAKYAT MEMBACA DAN MENINGKATKAN TAHAP ILMU PENGETAHUAN. HARI INI SECARA SIMBOLIKNYA SAHAJA BACAAN SELAMA 10 MINIT TETAPI BUKAN BERMAKNA SETIAP HARI 10 MINIT SAHAJA KITA MEMBACA YA, SIDANG HADIRIN.

9. AKHIR KATA TERIMA KASIH SEKALI LAGI KEPADA PKMA, BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN CANSELORI, BAHAGIAN PERANCANGAN DAN KOMUNIKASI KORPORAT, PUSAT KHIDMAT PELAJAR, PUSAT PEMAJUAN PELAJAR, BAHAGIAN PENERBITAN DAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR UNIMAS KERANA MENGANJURKAN PROGRAM SEBEGINI. TERIMA KASIH JUGA KEPADA PIHAK MEDIA, PENGARANG BUKU UNIMAS SERTA SEMUA JK PELAKSANA. AGAR USAHA MURNI INI DAPAT DITERUSKAN DENGAN JAYANYA. SEKALI LAGI SAYA INGIN MENYERU KEPADA WARGA UNIMAS MARILAH KITA SEMUA SAMA –SAMA MENYEMARAK DAN MEMBUDAYAKAN AMALAN MEMBACA DALAM KEHIDUPAN DAN PEKERJAAN KITA. DI SAMPING ITU SECARA BERTERUSAN MEMBUDAYAKAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT DALAM MENINGKATKAN KOMPETENSI DIRI.

DENGAN LAFAZ BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM SAYA DENGAN INI MERASMIKAN **PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT DAN BEDAH BUKU PERINGKAT UNIMAS 2014 SEMPENA HARI BUKU DAN HAKCIPTA SEDUNIA**

SEKIAN, WABILLAHITAUFIK WAL HIDAYAH,
WASAALAMUALAIKUM W.R.B

UNIMAS

28 APRIL 2014